

Headline	JPNP mula pulih bekas lombong		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Aug 2022	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	6	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	71 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,202
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,605



## JPNP mula pulih bekas lombong

**Kuantan:** Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) mula aktif memulihkan kawasan bekas lombong di Hutan Simpan Chini sejak kira-kira lima tahun lalu.

Pengarahnya, Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin, berkata ia kesinambungan kepada usaha dilaksanakan terlebih dulu oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

“Peruntukan lebih RM6.45 juta digunakan untuk kerja pemuliharaan dan pemeliharaan Tasik Chini sejak lebih empat tahun lalu dengan harapan kawasan hutan simpan ini dapat kembali hijau dengan tumbuhan.

“Sokongan kerajaan negeri di bawah pimpinan Menteri Besar yang menyediakan peruntukan RM3.95 juta daripada Kumpulan Wang Pembangunan Hutan dan RM2.5 juta dana Kumpulan Wang Pemuliharaan Lombong bukti betapa serius usaha yang dilakukan,” katanya semalam.